

Hukum Satu Harga

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Hukum satu harga merupakan teori ekonomi di mana harga sesuatu barangan terutama komoditi menjadi sama di lain-lain negara setelah mengambil kira kadar tukaran asing. Perbezaan harga akan menyebabkan aktiviti arbitraj berlaku yang akhirnya menyebabkan harga komoditi tersebut menjadi sama. Teori ini menjadi semakin nyata bagi sesebuah ekonomi terbuka seperti Malaysia. Perbezaan harga sesuatu komoditi cuma disebabkan oleh kos transaksi seperti pengangkutan, tarif dan sebagainya.

Umpamanya, harga pisang di Malaysia tidak jauh bezanya dengan harga di Amerika Syarikat (AS) atau di Eropah setelah mengambil kira kadar tukaran asing. Harga pisang di AS umpamanya satu dolar (USD) satu kilogram yang mana lebih kurang sama dengan harganya RM4 sekilogram di Malaysia. Mengapa perkara ini berlaku? Padahal harga pisang pada suatu masa dahulu begitu murah.

Perkara yang sama berlaku ke atas lain-lain barangan kesan dari keterbukaan ekonomi. Persoalannya, adakah hukum satu harga ini baik atau buruk untuk sesuatu ekonomi? Persoalan ini boleh dijawab dengan melihat bagaimana hukum ini memberi kesan ke atas pengeluar dan pengguna.

Pengeluar atau petani yang menanam pisang bergembira kerana harga pasaran yang mahal. Ini berlaku kerana pisang dieksport ke pasaran dunia. Kesannya penawaran pisang untuk pasaran domestik berkurangan, maka harganya meningkat menghampiri harga eksport. Sebaliknya para pengguna yang membeli pisang terpaksa membayar harga yang lebih mahal.

Walau bagaimanapun, semua barangan lain mengalami nasib yang sama seperti pisang selagi barangan tersebut mempunyai permintaan di pasaran antarabangsa. Umumnya, barangan yang dikeluarkan di dalam negara menjadi lebih mahal

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

berbanding dengan harga sebelum didagangkan di peringkat global. Pada masa yang sama harga barangan yang kurang dikeluarkan di dalam negara menjadi semakin murah. Ini termasuk barangan yang tidak langsung dikeluarkan di dalam negara, umpamanya buah epal, mampu diperolehi dengan harga yang berpatutan.

Justeru, si petani yang menanam pisang menjadi semakin kaya kesan dari pasaran antarabangsa yang lebih besar. Namun si petani ini juga terpaksa membayar lebih untuk mendapatkan barangan lain yang turut mengalami kenaikan harga seperti pisang. Kesan bersih dari segi kewangan hasil dari hukum satu harga ini kepada keseluruhan individu tidak berapa jelas. Namun yang pasti keseluruhan masyarakat mempunyai pilihan yang lebih kerana pemilihan dilakukan seolah-olah dari pasaran global.

Inilah realiti yang perlu dihadapi hasil dari keterbukaan ekonomi. Permintaan antarabangsa membantu mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi. Rakyat jelata menjadi semakin kaya, namun diiringi dengan kenaikan harga barangan. Dengan kata lain, kenaikan harga barangan secara umum adalah harga yang perlu dibayar untuk mengecap pertumbuhan ekonomi. Jadi formula kemenangan di dalam keterbukaan ekonomi ini adalah dengan memastikan peningkatan pendapatan hasil dari pertumbuhan ekonomi sentiasa melebihi dari harga yang perlu dibayar.

Jelas dari formula tersebut bahawa kita tidak mempunyai kawalan terhadap harga barangan di pasaran global. Apa yang berada di dalam kawalan adalah pendapatan. Jadi manfaat dari keterbukaan ekonomi dapat dimaksimumkan melalui peningkatan kecekapan pengeluaran. Kos pengeluaran mampu diminimumkan melalui kecekapan pengeluaran. Kesan bersih, peningkatan pendapatan individu berserta pilihan yang luas di dalam pasaran.

Persepsi umum tentang kenaikan kos sara hidup di masa kini adalah harga yang perlu dibayar untuk pertumbuhan ekonomi. Namun cara terbaik menanganinya adalah dengan menumpukan kepada peningkatan pendapatan berbanding dengan cuba mengurangkan kos sara hidup itu sendiri. Salah satu cara untuk memaksimumkan pendapatan adalah dengan membuat sesuatu mengikut kekuatan atau kepakaran masing-masing.

Pemilihan pengeluaran lazimnya dilakukan berdasarkan kelebihan mutlak atau kelebihan relatif, yang juga bergantung kepada khazanah faktor. Bumi yang subur bersesuaian dengan tanaman tropika merupakan salah satu khazanah negara. Maka sudah pasti sektor ini tidak patut diabaikan. Pembangunan sektor pertanian dengan mengutamakan peningkatan nilai tambah perlu diberi penekanan.

Pembangunan sektor pertanian bukan sahaja tertumpu kepada pengeluaran komoditi dengan menjawab persoalan mengapa kita perlu mengimport pisang yang mampu ditanam di belakang rumah. Penekanan berterusan adalah ke arah pembangunan industri hiliran yang mampu menjana nilai tambah yang tinggi. Dari segi pengeluaran komoditi, jenis-jenis pisang tempatan, umpamanya pisang berangan dan pisang emas, jauh lebih baik dari jenis-jenis yang diimport. Maka, ianya perlu diketengahkan.

Malaysia tidak kurang dengan para graduan bidang pertanian yang boleh digembleng untuk mengoptimumkan pengeluaran pertanian. Tanah-tanah pertanian masih banyak yang terbiar. Jadi sumber-sumber ini perlu dimanfaatkan. Eksport komoditi atau barangan pertanian memberi nilai tambah yang tinggi kepada ekonomi kerana kandungan tempatan yang tinggi berbanding dengan barangan pembuatan seperti elektrik dan elektronik yang bergantung kepada komponen yang diimport.

Graduan-graduan muda juga perlu menyahut cabaran bekerja sendiri termasuk di dalam sektor pertanian dan industri hiliran. Keadaan ekonomi semasa yang melimitkan keperluan untuk tenaga kerja mungkin mempunyai hikmah tersendiri. Mungkin ini merupakan suatu titik penting di dalam sejarah pembangunan ekonomi negara.